

EKONOMI KSSM TINGKATAN 5

LATIHAN BAB 2

Pilih satu jawapan yang paling tepat.

1. Pelaksanaan liberalisasi perdagangan dan blok perdagangan adalah untuk menggalakkan Kerjasama antara negara dalam ekonomi. Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan faktor penggalak tersebut?
A Pemberian visa Ketika ketibaan
B Kenaikan cukai bagi barang import terpilih
C Penglibatan sektor swasta dalam pentadbiran kerajaan
D Kebenaran menjalankan perniagaan tanpa keperluan lesen
2. Mengapakah sesebuah firma mengembangkan operasi perniagaannya ke peringkat antarabangsa?
A Pasaran tempatan yang tepu
B Kos upah yang rendah untuk buruh tempatan
C Kadar pertukaran asing yang berubah dari semasa ke semasa
D Kenaikan harga bahan mentah di pasaran antarabangsa
3. Maklumat di bawah berkaitan dengan ciri-ciri suatu dorongan syarikat dalam operasi antarabangsa.

- Pengedaran yang efektif
- Harga produk lebih murah
- Berdekatan dengan pasraan

Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan maklumat di atas?

- A Saiz pasaran
 - B Jenis pelanggan
 - C Kos pengangkutan
 - D Kos bahan mentah
4. Apakah kesan positif dengan pelaburan langsung asing terhadap ekonomi Malaysia?
A Peningkatan kadar pengangguran
B Kepesatan pemindahan teknologi
C Penurunan pendapatan negara
D Kenaikan tingkat harga umum
 5. Pilih kebaikan yang diperolehi daripada perdagangan antarabangsa.
I Menghadapai persaingan
II Mengatasi masalah lambakan
III Meningkatkan kecekapan pengeluaran
IV Menggalakkan mobility sumber ekonomi
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

6. Pilih bentuk sekatan yang diadakan dalam hubungan perdagangan antarabangsa.
- I Cukai eksais
 - II Duti import
 - III Kawalan pertukaran asing
 - IV Cukai barang dan perkhidmatan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
7. Apakah tujuan sekatan perdagangan antarabangsaa dilaksanakan?
- A Menggalakkan pelaburan
B Melindungi industri muda tempatan
C Mewujudkan kuasa monopoli
D Menjamin hubungan politik yang kukuh
8. Apakah kesan pengenaan tarif dalam hubungan perdagangan antarabangsa?
- A Harga barang akan menurun
B Kadar pengangguran akan naik
C Hasil kerajaan akan bertambah
D Permintaan barang akan meningkat
9. Antara yang berikut, yang manakah merupakan kelebihan dasar liberalisasi perdagangan?
- I Kemasukan pelaburan langsung asing
 - II Mewujudkan monopoli
 - III Kebergantungan ekonomi negara kepada pihak asing
 - IV Menggalakkan inovasi dan pemindahan teknologi
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
10. Komposisi eksport nampak Malaysia terdiri daripada
- A pertanian, perlombongan dan perkhidmatan pengeluar
B perkhidmatan pengeluar, perlombongan dan perkilangan
C pembuatan, pertanian dan perlombongan
D pembuatan, perlombongan dan pelancongan

11. Maklumat yang berikut menunjukkan urus niaga antarabangsa negara W.

Eksport nampak	RM 76.8 billion
Import nampak	RM 78.6 billion

Apakah kesan daripada urus niaga di atas?

- A Imbangan pembayaran positif
 - B Imbangan pembayaran negatif
 - C Imbangan dagangan negatif
 - D Imbangan dagangan positif
12. Pernyataan di bawah menunjukkan satu butir akaun dalam akaun semasa.

Firma televisyen Malaysia membelanjakan berjuta-juta wang untuk bayaran kos siaran program yang disediakan oleh firma asing.

Akaun manakah perbelanjaan tersebut direkod.

- A Akaun Pendapatan
 - B Akaun perkhidmatan
 - C Akaun dagangan
 - D Akaun modal
13. Firma FAC dari Malaysia telah membeli sebuah jentera kilang yang berharga US\$180000 dari Amerika Syarikat. Kadar pertukaran asing adalah seperti yang berikut;

Unit	Mata Wang	Harga Belian (RM)	Harga Jualan (RM)
1	USD	4.40	4.50

Berapakah jumlah Ringgit Malaysia yang diperlukan untuk pembayaran tersebut?

- A RM40 178
 - B RM41 091
 - C RM795 520
 - D RM813 600
14. Apakah faktor yang menyebabkan kejatuhan permintaan terhadap Ringgit Malaysia?
- A Kenaikan kadar faedah dalam Malaysia
 - B Pertambahan dalam jumlah eksport negara Malaysia
 - C Nilai Ringgit Malaysia dijangka meningkat pada masa hadapan
 - D Kegemaran rakyat Malaysia membeli barang buatan tempatan.